

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

BEKALAN TELUR AYAM DI PANTAI TIMUR STABIL DAN MENCUKUPI MENJELANG AIDILFITRI

PUTRAJAYA, 21 APRIL 2023 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil maklum laporan oleh akhbar Utusan Malaysia bertarikh 21 April 2023 berhubung isu gangguan bekalan telur ayam negeri di Pantai Timur menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri.

2. Pihak KPDN telah mengambil tindakan segera dengan melakukan pemeriksaan dan pemantauan di beberapa buah pasar raya dan pasar raya besar terpilih di negeri Kelantan dan Terengganu. Hasil pemeriksaan itu mendapati kebanyakan pasar raya masih mempunyai bekalan telur ayam pelbagai gred yang mencukupi menjelang sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri.
3. Selain itu, Kementerian juga sentiasa melakukan pemantauan berkala berhubung keberadaan bekalan telur ayam ke atas **225 buah premis Pengedar Peruncit Terpilih (Dedicated Distributor Retailer)** di seluruh negeri Kelantan. Berdasarkan statistik bekalan telur ayam di premis tersebut sehingga 20 April 2023, sebanyak **220,140 biji** stok telur ayam pelbagai gred masih ada di pasaran.
4. Secara keseluruhannya mendapati, **bekalan telur ayam di negeri Kelantan tidak mengalami masalah dan masih mencukupi untuk kegunaan isi rumah sempena musim perayaan ini**. Pada masa yang sama, melalui pemeriksaan di peringkat runcit dan borong juga, kedudukan bekalan telur ayam di seluruh Kelantan adalah stabil.

5. Di Terengganu pula, **bekalan telur masih boleh diperolehi di pasar raya-pasar raya utama dan juga di kedai-kedai runcit di pekan-pekan kecil**. Hasil pemantauan menunjukkan permintaan terhadap telur semakin menurun kerana berakhirnya bazar-bazar Ramadan dan tiada lagi permintaan yang banyak dari industri kuih, kek dan biskut raya. Telur daripada gred kawalan juga masih banyak dan dijangka mampu untuk menampung permintaan pengguna.
6. Orang ramai khususnya pengguna di Pantai Timur dinasihatkan agar tidak panik dengan situasi ini dan berhemah apabila membeli telur ayam untuk kegunaan di musim perayaan ini bagi mengelakkan gangguan ke atas bekalan telur ayam di pasaran.
7. **KPDN** akan giat melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan di seluruh Negara termasuk pada musim perayaan bagi memastikan pengguna dapat menyambut perayaan Hari Raya Aildilfitri dengan selesa.
8. Berhubung dengan isu-isu yang dijangka berlaku dimasa hadapan, **KPDN** akan terus mengadakan libat urus dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta pemain industri untuk memastikan kecukupan bekalan di pasaran.
9. Jika pengguna mempunyai sebarang maklumat berhubung isu yang berkaitan boleh melaporkan aduan yang tepat dan lengkap melalui saluran berikut:
- i. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000;
 - ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://e.aduan.kpdn.gov.my>;
 - iii. Call Centre 1-800-886-800;
 - iv. E-mel (e-aduan@kpdn.gov.my);
 - v. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN; dan
 - vi. Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245.

**YB DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB,
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,
PUTRAJAYA, 21 APRIL 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION